



16 - 31 OKTOBER, 2023

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow




PEMANDANGAN *promenade Gurney Bay.*

# Gurney Bay dibuka hujung tahun

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja pembangunan taman dalam bandar pesisir pantai terbesar, *Gurney Bay* dijangka dibuka kepada umum pada penghujung tahun ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa sehingga 1 September 2023, projek tersebut telah mencapai kadar 96.15 peratus bagi Fasa 1 meliputi kawasan seluas 27.53 ekar.

"Walaupun projek tersebut mengalami kelewatan dan tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal, namun mengikut kontraktor, kerja-kerja di tapak akan selesai tidak lama lagi.

"(Dan) dijangka dibuka kepada pengunjung pada hujung tahun 2023 setelah mendapat pengesahan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) serta perunding projek untuk memastikan keselamatan pengguna," ujarnya pada sidang media ketika mengadakan lawatan tapak di sini pada 4 September lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Syerleena Abdul Rashid; Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi serta wakil-wakil JKR dan kontraktor terlibat.

Mengulas lanjut, Mooi Lye yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi memaklumkan bahawa 70 peratus kawasan pembangunan *Gurney Bay* adalah kawasan hijau dan taman air dengan keluasan 70.81 ekar.

"Sejumlah 4,541 pokok akan ditaman di sini dan 1,500 pokok adalah untuk Fasa 1 selain 100,000 pokok renek di sekitar kawasan seluas 4,815 meter persegi bagi Fasa 1 dan 16,130 meter persegi (Fasa 2).

"Dalam Fasa 1 ini juga antara kemudahan yang dijangka siap dibina adalah taman permainan, *skate park*, ruangan parkir terbuka, *south vantage point*, tandas dan kiosk.

"(Dan) ruang parkir di sini boleh menampung sehingga 64 kereta dan 62 motosikal dengan tambahan ruangan parkir sedia ada kini," jelasnya.


*(Sambungan di muka 2).*




**KERJA-kerja pengindahan yang sedang giat dijalankan.**

(Sambungan dari muka 1).

# Lokasi wajib dilawati seisi keluarga

Difahamkan, Fasa 2 seluas 87.82 ekar dijangka siap menjelang suku keempat 2024 dan bakal merangkumi pusat penjaja, tempat letak kereta bertingkat, sudut pandang, tandas tambahan, jeti teksi air, surau, taman air, parkir terbuka serta kawasan rizab kerajaan.

Sementara itu, dalam sesi tinjauan berasingan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, **JOSHUA WOO SZE ZENG** ketika dihubungi berkata, Fasa 1 projek berkenaan hampir siap dan dijangka dibuka kepada umum pada akhir tahun ini.

"Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) masih perlu menjalankan pemantauan bagi memastikan tapak tersebut adalah selamat untuk menerima pengunjung.

"Saya berharap semua kerja-kerja pembangunan termasuk pembaikan selepas teguran oleh pihak JKR dapat diselesaikan secepat mungkin oleh pihak kontraktor.

"*Gurney Bay* bersedia untuk menjadi tempat yang meriah dan wajib dilawati oleh seisi keluarga sama ada untuk beriadah atau hanya menghabiskan masa berkualiti bersama," ujarnya.

Nada sama turut dikongsi oleh mantan ADUN Pulau Tikus, **CHRIS LEE CHUN KIT** yang menyifatkan bahawa *Gurney Bay* adalah tempat untuk semua peringkat usia.

"*Gurney Bay* adalah tempat untuk semua, tua dan muda bergembira dan meluangkan masa." katanya.

Sementara itu, bagi **MOHAMMAD NOOR NADZIR MOHAMAD NASIR**, 31, menyatakan bahawa lokasi tersebut bakal menjadi tarikan pelancongan terbaharu bukan sahaja untuk warga Pulau Pinang tetapi juga rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

"Saya percaya *Gurney Bay* merupakan tempat yang 'positif' dalam mempromosikan interaksi dan memupuk hubungan kekeluargaan selain memberi peluang untuk bersantai bersama sambil menikmati panorama indah.

"Saya juga amat teruja apabila dapat melihat pembangunan kini berjalan lancar dan mula nampak beberapa kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, *'skate park'* dan ruangan santai.

"Namun, aspek keselamatan di kawasan rekreasi berkenaan juga penting memandangkan kawasan tersebut akan dikunjungi oleh pengunjung dari pelbagai peringkat usia.

"(Dan) perlu ada perancangan dalam pengurusan trafik yang baik di kawasan tersebut termasuk menyediakan ruangan parkir yang cukup," katanya lanjut sambil mengharapkan *Gurney Bay* bakal menjadi tempat yang bermanfaat untuk semua.

Bagi **MARCUS IMRAN KENNEDY**, 22, beliau memuji inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan seimbang di negeri ini.

"Saya rasa sangat bagus apabila Kerajaan Negeri mereka bentuk tempat rekreasi dan riadah seperti *Gurney Bay* ini, akan jadi lebih banyak pilihan lokasi pelancongan di Pulau Pinang.

"Cuma saya tidak pasti sama ada *Gurney Bay* akan mempunyai lot-lot komersial atau kiosk untuk perniagaan kecil bagi memberi peluang kepada penduduk setempat memulakan perniagaan sendiri.

"Sekiranya ada, maka ia akan menjana sektor keusahawanan tempatan di samping meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk di sekitar kawasan tersebut," ulas pelajar jurusan teknologi maklumat itu.

Seorang lagi responden, **LOO KEE KHIEN**, 22, mengakui bahawa beliau berasa teruja menunggu siapnya projek berskala mega tersebut.

"Bergantung kepada apa yang dibangunkan di sana dan pastinya sesuatu menarik menanti semua," kata jurutera muda berkenaan.

Terdahulu, wartawan Buletin Mutiara sempat meninjau ke lokasi berkaitan dan pada sebelah pagi didapati beberapa individu melakukan senaman ringan di sepanjang jajaran Persiaran Gurney. Namun rata-rata yang ditemui enggan memberi komen hanya menzahirkan rasa teruja dengan pembangunan projek ikonik pesisir pantai, *Gurney Bay*.

Didapati pagar anti panjat juga telah dibuka dan mereka yang melalui kawasan tersebut dapat melihat dengan jelas kerja-kerja pembangunan yang giat dijalankan.




**JASON H'ng Mooi Lye (berkemeja putih) menunjukkan ilustrasi projek bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.**



**JOSHUA Woo Sze Zeng.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Lantikan semula

## kesinambungan teruskan projek infrastruktur



ZAIRIL Khir Johari.

PADA 16 Ogos lepas, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari merupakan antara 11 Exco Kerajaan Negeri yang mengangkat sumpah terimaan jawatan berwajib di hadapan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dekat Dewan Sri Pinang.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** berkesempatan menemu ramah Zairil di pejabatnya dekat Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar).

Memulakan bicara, Zairil berkata bahawa beliau menzahirkan rasa syukur kerana masih diberi peluang menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bagi penggal kedua ini.

"Saya sebenarnya sangat berbesar hati dan bersyukur kerana diberi peluang sekali lagi untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat (Kerajaan Negeri) yang mana ini suatu lagi kesinambungan untuk meneruskan projek-projek infrastruktur yang besar di Pulau Pinang termasuk projek LRT (Transit Aliran Ringan George Town - Bayan Lepas), PSI (projek tambakan Selatan pulau Pulau Pinang), kereta kabel Bukit Bendera, pakej dua (jalan pintasan) Lebuhraya (Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam) dan projek-projek lebuh raya lain yang sedang dirancang.

"Jadi, ini suatu kesempatan untuk saya meneruskan semua projek yang penting ini," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Buletin Mutiara pada sesi wawancara pada 4 September lalu.

Pada penggal pentadbiran Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lepas iaitu dari Mei 2018 hingga November 2022, Zairil ditaklifkan sebagai Exco Infrastruktur dan Pengangkutan. Manakala, dalam penggal ini, beliau ditaklifkan sebagai Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital.

### Portfolio baharu

Dalam nada sederhana, Zairil berkata tidak ada banyak perbezaannya menjadi Exco bagi penggal pentadbiran Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) ini berbanding penggal pentadbiran PRU15, melainkan pertambahan suatu portfolio baharu iaitu 'Digital'.

"Memang ada pertambahan 'digital' (pada portfolio) saya, yang seakan-akan suatu portfolio baharu, sebenarnya tanggungjawab ini telah saya pikul sejak penggal (PRU14) lepas, cuma secara rasminya tidak ada portfolio.

"Bagi saya, portfolio (Digital) ini adalah sangat bagus bagi menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri dari segi mengambil berat mengenai (pembangunan infrastruktur) digital ini," ujarnya.

Di samping itu, beliau berpendapat tujuan pentadbiran Kon Yeow mewujudkan portfolio baharu tersebut adalah mengambil kira wajah baharu kementerian di bawah Kerajaan Perpaduan Malaysia pada hari ini.

"Sebab, kita (Kerajaan Negeri) nampak pada peringkat Kerajaan Persekutuan sudah ada kementerian (berkaitan) digital yang mana nama baharu adalah KKD atau Kementerian Komunikasi dan Digital.

"Ini, menunjukkan Kerajaan Persekutuan pun mengambil berat portfolio digital, maka saya rasa amat sesuai Kerajaan Negeri juga mengikut langkah yang sama," ulasnya sambil berharap inisiatif bersama tersebut dapat mengeratkan lagi hubungan pentadbiran antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, Zairil menyatakan bahawa dengan wujudnya portfolio 'Digital', ia akan banyak membantu Kerajaan Negeri merealisasikan usaha ke arah digitalisasi masyarakat di Pulau Pinang.

"Dari segi rangka kerja adalah lebih kurang dengan perkara yang telah saya lakukan pada penggal (PRU14) lepas (sungguhpun tiada portfolio digital secara khusus).

"Tetapi, dengan adanya portfolio khusus ini, ia akan memberi fokus kepada orang awam dan penjawat awam berkenaan peri pentingnya isu-isu digital yang mana sekarang ini kita hidup dalam era digital," katanya lanjut.

### 'Meneruskan kesinambungan'

Bercerita lanjut, Zairil memberitahu bahawa bagi penggal pentadbiran PRN15 ini, beliau berusaha untuk menyiapkan beberapa projek 'berimpak tinggi' yang telah dimulakan pada penggal pentadbiran lepas di samping projek-projek baharu berkaitan lain.

> **"Tetapi, dengan adanya portfolio khusus ini, ia akan memberi fokus kepada orang awam dan penjawat awam berkenaan peri pentingnya isu-isu digital yang mana sekarang ini kita hidup dalam era digital,"**
>
> **- ZAIRIL Khir Johari**

Perancangan beliau yang pertama adalah 'kesinambungan' sebab kebanyakan projek adalah sedang dilaksanakan, (antaranya) projek tebatan banjir.

"Semasa penggal lepas (PRU14) selama lima tahun, alhamdulillah Kerajaan Negeri berjaya menyiapkan tujuh daripada lapan projek tebatan banjir berimpak tinggi.

"Jadi, bagi penggal (PRU15) ini, sudah tentu kita (Kerajaan Negeri) mengalu-alukan lebih banyak bantuan daripada Kerajaan Pusat, (di samping itu projek 'kesinambungan' lain yang dilakukan) Kerajaan Negeri akan berterusan juga sama ada sedang dalam pelaksanaan atau perancangan dan sebagainya untuk menangani risiko banjir kilat.

"'*Hotspot*' banjir telahpun kita (Kerajaan Negeri) kenal pasti dan kita sedang berusaha menyelesaikan satu demi satu.

"RTB (Rancangan Tebatan Banjir) Sungai Pinang adalah dalam proses penilaian tender, maksudnya syarikat-syarikat dah masuk tender dan kita (Kerajaan Negeri) tengah pilih, jadi, saya menjangkakan projek ini akan mula dalam tahun (2023) ini juga dan akan mengambil masa kira-kira tiga tahun juga," jelasnya.

### 'Segerakan LRT'

Tambah Zairil, beliau berharap LRT George Town - Bayan Lepas boleh dimulakan secepat mungkin memandangkan Perdana Menteri telahpun mengumumkan komitmen Kerajaan Pusat bagi membantu Pulau Pinang merealisasikan projek infrastruktur awam itu.

"Projek LRT juga telah lama dinanti-nantikan oleh rakyat Pulau Pinang, kita harap perkembangan yang cepat dalam tahun ini (2023) juga.

"Projek LRT ini, alhamdulillah Kerajaan Pusat telah mengumumkan untuk membiayai sepenuhnya, dengan erti kata lain ia telah menjadi projek Persekutuan.

"Namun begitu, projek (LRT) Persekutuan ini masih memerlukan kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan pelbagai aspek (iaitu) bukan sahaja daripada segi kelulusan kerja-kerja (tanah) dan ssebagainya, malah pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), aspek pengambilan tanah, input mengenal pasti jajaran dan sebagainya.

*(Sambungan di muka 4).*

(Sambungan dari muka 3).

# LRT, jangan ditangguhkan lagi

"(Kaedah pembiayaan Persekutuan sama ada dalam bentuk suntikan fiskal atau *'off-balance sheet financing'*) yang itu, masih belum dimuktamadkan, kita pun tahu bahawa semua projek LRT dan MRT di Lembah Klang semuanya dibiayai melalui kaedah *'off-balance sheet financing'*.

"Jadi, besar kemungkinan kaedah *(off-balance sheet financing)* ini juga akan digunakan bagi membiayai LRT (George Town - Bayan Lepas) ini juga," ujarnya.

Tambah Zairil, pembangunan infrastruktur pengangkutan awam moden berbasis rel di Pulau Pinang boleh dikatakan 'agak ketinggalan' berbanding Johor memandangkan di bandar raya Johor Bharu ketika ini sedang giat dilaksanakan projek pemajuan LRT.

"Kalau mengambil kira pembangunan rel awam di luar Lembah Klang, kita (Pulau Pinang) boleh dikatakan tertinggal sedikit di belakang Johor Bharu, Johor (yang mana semasa ini sedang dilaksanakan projek LRT).

"Bagi saya sekarang memang kena buat dah, memang tepat pada masanya, paling penting kena segerakan dan jangan ditangguhkan lagi," tegasnya.

Dalam wawancara selama hampir setengah jam itu, Zairil turut mengakui bahawa pendapat beberapa pihak bahawa beliau agak *'low profile'* sejak menjadi Exco, berbanding sebelum ini.

"Sejak menjadi Exco Kerajaan Negeri ini, lebih *'low profile'*, betul, berbanding dulu banyak menulis dan berpolitik.

"Prinsip dan pegangan saya tidak pernah berubah, tetapi tanggungjawab saya agak berat, jadi tumpuan banyak dalam menangani isu-isu berkaitan infrastruktur.

"Saya akur bahawa daripada segi profil politik memang agak berkurangan, tetapi daripada segi pencapaian yang kita boleh nampak dan boleh pegang, itu lebih nampak.

"Paling saya bersyukur segala kejayaan dalam portfolio yang saya pegang, segala kejayaan yang dicapai adalah dalam bentuk *'tangible'* (ketara)," ulasnya lanjut.

## Harapan

Mengakhiri wawancara, Zairil berkata bahawa ketika ini merupakan suatu kenangan politik yang manis apabila Kerajaan Perpaduan Malaysia berjaya ditubuhkan pasca PRU15 dengan Anwar dinobatkan sebagai Perdana Menteri Ke-10.

"(Pengalaman) pahit manis ini adalah perkara biasa dalam politik, antaranya yang terbaru saya turut tumpang gembira apabila Kerajaan Madani Malaysia peringkat Persekutuan berjaya diwujudkan.

"Ini, adalah hasil perjuangan ramai pihak yang menjadi aktivis politik dari generasi kita iaitu *'generasi reformasi'*, sebab saya pun membesar dalam generasi itu.

"Pada saya, antara detik dalam sejarah negara kita yang penting adalah (era Reformasi) pada tahun 1998 apabila Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim dilucutkan jawatan (sebagai Timbalan Perdana Menteri), dipenjara dan sebagainya.

"Perkara itu segar dalam ingatan saya, kerana semasa waktu itu saya berumur 16 tahun yang mana itu merupakan detik kesedaran politik saya.

"Jadi, kita yang boleh dikatakan melalui liku-liku termasuk dalam siri-siri demonstrasi BERSIH (Gabung Pilihan Raya Adil dan Bersih), kena kejar, kena tembak dengan meriam air dan gas… bagi saya semua perjuangan dan pengorbanan itu bagi saya telah menampakkan hasil dalam (PRU15) pada November 2022.

"Sehubungan itu, fokus pada tahun (2023) ini ada banyak, antaranya adalah (merealisasikan projek) kereta kabel (Bukit Bendera)… dibiayai melalui PFI (Inisiatif Kewangan Swasta), begitu juga PSI akan dimulakan pada tahun ini tetapi tidak boleh siap dalam tahun ini di samping beberapa projek mega yang saya sebutkan sebelum ini," jelasnya.


BM iDAMAN
@ BUKIT MINYAK , BUKIT MERTAJAM

HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA
Tertakluk pada terma & syarat

**Evodia - 2 unit**



Harga Jualan: RM1,301,800.00 - RM1,331,700.00
Rumah Berkembar 2 Tingkat
Luas Binaan: 2,862 kp (29' x 48')
Luas Tanah: Dari 4,026 kp (39' x 96')
4 Bilik Tidur | 5 Bilik Mandi

**Adria - 38 unit**



Harga Jualan: RM777,600.00 - RM1,184,400.00
Rumah Teres 2 Tingkat
Luas Binaan: 1818 kp (20' x 48')
Luas Tanah: Dari 1,615 kp (20' x 80')
4 Bilik Tidur | 4 Bilik Mandi

**Balvia- 28 unit**



Harga Jualan: RM907,800.00 - RM1,308,000.00
Rumah Teres 3 Tingkat
Luas Binaan: 2,685 kp (20' x 48')
Luas Tanah: Dari 1,615 kp (20' x 80')
5 Bilik Tidur | 6 Bilik Mandi

**Rumah baru yang dinantikan . Berpagar dan berpengawal . Hidup dengan keselesaan dan kemudahan**






METRO JELATA GROUP

Metro Jelata Sdn. Bhd. (199601027013)
4695, Jalan Permatang Pauh, 13400 Butterworth,
Seberang perai Utara, Penang, Malaysia.
Faks: 604-3233287 | Emel: info@metrogroups.com.my

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
**011-2002 5588 | 012-427 5677 | 604-324 8052**
www.metrogroups.com.my

Lesen Pemaju: 7690/09-2027/1052(R) I Tempoh Sah: 27/09/2022 - 26/09/2027 I No. Lesen Iklan dan Permit: 7690-6/01-2026/0012(N)-(S) I Tempoh Sah: 04/01/2023 - 03/01/2026 I No. Pelan Bangunan: Bil. Pelan 1(A-L) dlm MPSP/40/20-44/126 I Kelulusan Pihak Berkuasa: Majlis Bandaraya Seberang Perai I Tarikh Dijangka Siap: November 2025 I Bebanan Tanah: Tiada I Status Tanah: Hakmilik Kekal I Jenis Bangunan: Rumah Berkembar 2 Tingkat - 2 unit - Harga Jualan: RM1,301,800.00 - RM1,331,700.00 I Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat - 38 unit - Harga Jualan: RM777,600.00 - RM1,184,400.00 I Jenis Bangunan: Rumah Teres 3 Tingkat - 28 unit - Harga Jualan: RM907,000.00 - RM1,308,000.00. Semua gambaran adalah sebagai jemputan untuk mendapat sambutan daripada orang ramai untuk melihat dan mendaftar sahaja dan tidak dianggap sebagai satu tawaran untuk jualan. Maklumat terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak . Semua gambar adalah lakaran artis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Setiap langkah yang telah diambil dalam penyediaan gambaran, pemaju tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa ketidaktepatan. Semua tersebut di atas adalah tertakluk kepada perubahan, pengubahsuaian dan penggantian sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera.

# Pembangunan semula Kampung Manis sebagai keutamaan

**DATO' SERI S. SUNDARAJOO** merupakan antara muka baharu yang ditampilkan oleh Kerajaan Negeri sebagai ahli Exco dalam usaha memantapkan pentadbiran negeri bagi penggal ini.

Beliau yang mengetuai portfolio Perumahan dan Alam Sekitar dilantik hasil kemenangan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai pada Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) pada Ogos lalu.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING** berkesempatan menemu ramah Sundarajoo untuk melihat misi dan visi beliau.

Membuka bicara, Sundarajoo berkata bahawa beliau meletakkan pembangunan semula Kampung Manis dekat Perai sebagai keutamaan yang mahu diselesaikan dengan segera.

"Pembangunan Kampung Manis dilihat sebagai penempatan yang agak daif dan perlu dibangunkan segera supaya seramai 292 keluarga di situ dapat hidup dengan lebih baik.

"Bagi Kampung Manis, saya yakin boleh laksanakan (pembangunan) kerana saya berpengalaman bekerja di syarikat pemaju sebelum memasuki arena politik.

"Langkah pertama adalah kita perlu memanggil syarikat-syarikat berminat untuk menghantar kertas cadangan atau *Request for Proposal* (RFP).

"Selepas itu, barulah kita adakan mesyuarat dengan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) selaku pemilik tanah sebelum menandatangani memorandum persefahaman (MoU)," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pejabatnya di Komtar pada 24 Oktober lalu.

Menurut beliau, sekiranya semua rancangan tersebut berjalan lancar, pembangunan semula itu mampu menyediakan 400 unit rumah bukan sahaja kepada penduduk Kampung Manis bahkan kepada penduduk dari luar yang memerlukan.

Di samping itu kata beliau, projek pembangunan semula Kampung Manis disifatkan sebagai 'serampang dua mata' kerana dapat memberikan satu perubahan sosial dalam kalangan masyarakat setempat.

"Pembangunan ini apa yang saya nampak boleh dijalankan sebagai pembangunan bercampur dengan mewujudkan lot-lot komersial, jadi apabila penduduk dikelilingi dengan lot komersial sebegini, saya percaya mereka akan lebih 'berdisiplin'.

"Saya tidak mahu isu pembuangan sampah dan masalah-masalah lain yang pernah terjadi di salah satu skim perumahan dekat Perai ini berulang, kita perlu didik mereka sejak dari awal lagi," maklumnya yang pernah berkhidmat sebagai pemandu teksi.

> **Sebelum itu, ada pihak mempertikaikan kreadibiliti kami kononnya mahu melenyapkan *'green lung'* bandar Bayan Baru tetapi apa yang berlaku adalah projek naik taraf SPICE telah mendapat pengiktirafan *Green Building Index* (GBI) bertaraf Emas,"**
>
> **- DATO' Seri S. Sundarajoo**


S. Sundarajoo.

## Perjalanan hidup

Menceritakan pengalaman hidup, Sundarajoo memberitahu bahawa beliau bukanlah dilahirkan daripada keluarga senang sebaliknya terpaksa membanting tulang dengan bekerja sebagai pemandu teksi untuk membesarkan anak-anaknya.

"Selepas itu, saya ditawarkan menjadi pemandu kepada bos di salah sebuah syarikat pemaju sebelum diterima bekerja di syarikat tersebut sebagai kakitangan biasa.

"Saya bermula dari bawah kemudian naik perlahan-lahan sehinggalah berjaya menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pemaju.

"Sebelum menjawat jawatan tersebut, anak-anak saya juga beberapa kali pernah ingatkan saya supaya berehat dengan cukup dan tidak perlu terlalu bekerja keras kerana perlu menjaga kesihatan.

"Falsafah saya mudah, apabila saya sudah merasai kesusahan, saya tidak mahu kesusahan itu diwarisi oleh anak-anak dan mereka tidak layak merasai kesusahan tersebut," jelasnya yang turut mahu 'pulangkan' kesenangan kepada masyarakat.

## Politik

Bertitik tolak dari perasaan mahu berkhidmat dan membantu masyarakat, Sundarajoo melihat politik adalah platform paling sesuai untuk diri beliau.

Difahamkan, kerjaya Sundarajoo adalah berkaitan syarikat pemaju dan antara yang mendapat sentuhan beliau adalah projek naik taraf *Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre* (SPICE) yang dahulunya dikenali sebagai *Penang International Sports Arena* (PISA).

"Pada tahun 2013, ketika itu saya bertemu mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng dan beliau mengajak saya untuk sertai politik dan membantu beliau.

"Saya kata, saya akan masuk sebaik sahaja saya bersara daripada dunia korporat dan sekarang saya sudah tunaikan janji tersebut.

"Pada asalnya, saya berhasrat bertanding di DUN Bagan Dalam kerana kawasan tersebut adalah kampung halaman saya.

"Walaupun sebelum ini saya banyak menghabiskan masa di Kuala Lumpur tetapi alamat mengundi saya masih di Pulau Pinang," maklumnya yang tetap berbesar hati untuk membantu DUN Perai yang dilihat masih memerlukan bantuan sewajarnya.

## Perancangan dan harapan

Sundarajoo bukan sahaja mahu memberi perhatian kepada portfolio perumahan, malah beliau turut menekankan agenda hijau agar kemajuan perumahan dan kelestarian alam sekitar dapat diselarikan.

Sebelum itu, ada pihak mempertikaikan kreadibiliti kami kononnya mahu melenyapkan 'green lung' bandar Bayan Baru tetapi apa yang berlaku adalah projek naik taraf SPICE telah mendapat pengiktirafan *Green Building Index* (GBI) bertaraf Emas,".

"(Dan) hari ini, anda boleh lihat hasilnya yang mana kawasan tersebut lebih hijau berbanding dahulu dan memberi manfaat kepada orang awam," ulasnya yang juga pernah berkhidmat dengan *Penang Green Council* (PGC).

Menyentuh mengenai harapan, Sundarajoo memberitahu bahawa beliau mahu melihat kualiti kehidupan rakyat Pulau Pinang lebih bermakna melalui pelbagai projek yang dirancang selari dengan Visi Penang2030.

"Ini termasuk isu aliran trafik di Seberang Perai dan projek tebatan banjir yang perlu dinilai semula kerana beberapa kawasan didapati tidak dapat menampung aliran hujan yang banyak mengikut taburan hujan terkini.

"Mungkin 50 tahun dahulu rekaan tebatan banjir untuk 50 tahun akan datang, tetapi bagi saya lebih baik kita bina pelan mitigasi banjir dalam anggaran untuk 100 tahun dan memberi impak yang besar.

"Selain itu, kesedaran orang ramai juga penting untuk menjaga kebersihan bagi mengelakkan saliran kita tersumbat serta menjadi penyumbang kepada masalah banjir.

Di samping itu Sundarajoo menyatakan bahawa beliau juga berhasrat untuk melihat lebih banyak kewujudan taman-taman awam untuk kegunaan masyarakat di negeri ini.

Bagi diri beliau, perkara itu, juga penting dalam mendepani cabaran menjadi 'negeri tua' yang mana populasi warga emas akan meningkat ekoran kesedaran penjagaan kesihatan oleh generasi hari ini.

# Kumpul dan asing sisa demi pembangunan lestari

## 'GOMI Heroes'

(Dari kanan) G. Monessh, Chung Boon Jin dan Muhamad Nauwfal Abdullah.



**BUAT** julung kalinya Jepun bakal menjadi tuan rumah bagi Piala Dunia SpoGomi (SpoGomi) pada November 2023 dengan pasukan dari seluruh pelosok dunia menjelajah bandar raya Tokyo untuk mengutip sampah.

Menariknya, pasukan *'GOMI Heroes'* dari Pulau Pinang bakal mewakili Malaysia untuk bersaing dengan 20 pasukan antarabangsa lain bagi merebut gelaran juara dunia bagi 2023.

Mereka terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn Butterworth iaitu **G. MONESSH**, 17; **MUHAMAD NAUWFAL ABDULLAH**, 16, dan juga guru pengiring, **CHUNG BOON JIN**, 41.

Justeru, baru-baru ini wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **M. VEKENESVARAN** berkesempatan menemu bual *'GOMI Heroes'* yang merupakan johan dalam acara serupa menentang 27 pasukan dari semua negeri di Malaysia.

### Latar belakang

Menurut Boon Jin, SpoGomi merupakan acara sukan peringkat dunia yang diinspirasikan dari Jepun dan ia merupakan gabungan antara sukan *(sport)* serta sampah *(gomi)* dalam bahasa Jepun.

"SpoGomi merupakan sukan yang sangat popular melibatkan sebuah kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga lima orang untuk bergotong-royong atau mengutip sampah paling banyak dalam tempoh masa yang ditetapkan.

"Di samping itu, setiap pasukan diperuntukkan tempoh selama 60 minit untuk mengumpul sampah paling banyak mengikut kategori dari kawasan yang telah ditetapkan.

"Mungkin pada mata kasar ia kelihatan agak mudah untuk dilakukan, sebaliknya SpoGomi memerlukan kepantasan, kemahiran dan stamina serta strategi bagi membolehkan sesebuah pasukan mengumpul dan menyusun lebih dari 17 kilogram (kg) sisa hanya dalam masa satu jam," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini di Butterworth.

Pasukan *'GOMI Heroes'* menyertai acara Piala Dunia SpoGomi edisi Malaysia pada 19 ogos 2023 yang mana acara tersebut dijalankan di Dataran Pantai Queensbay Mall.

"Sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang atau GREW merupakan antara pihak yang memberi pendedahan mengenai pembangunan lestari dalam kalangan pelajar.

"Guru pengiring saya, iaitu Cikgu Boon Jin merupakan salah seorang ahli GREW dan dari beliau juga pasukan *'GOMI Heroes'* ini terbentuk.

"Selain pembangunan lestari, GREW juga memfokuskan aspek pendidikan dan kemampanan sesebuah institusi.

"Kini semua ahli *'GOMI Heroes'* terdiri daripada lebih 70 orang dan semuanya adalah pelajar," jelas Monessh yang sering terlibat dengan aktiviti kesukarelawan membersihkan kawasan pantai terutamanya.

### Persediaan Piala Dunia SpoGomi di Jepun

Menjawab soalan pemberita mengenai persediaan, Muhamad Nauwfal sempat berkongsi rasa berdebar dek pertama kali bakal bertanding ke negara luar bersama-sama pasukan yang lebih handal.

"Pasukan kami masih lagi melakukan persediaan yang rapi untuk menghadapi pertandingan Piala Dunia SpoGomi 2023 yang akan datang di Jepun dengan penuh keyakinan.

"Sejujurnya, kami belum lagi menyesuaikan diri dengan cara SpoGomi di Jepun, oleh itu kami perlu membuat lebih banyak kajian dan analisis serta memerhati dengan lebih khusus.

"Mengumpul dan mengasingkan sisa bukan perkara yang menyeronokkan, akan tetapi orang Jepun mengubahnya menjadi sebuah acara sukan dan bagi saya ia merupakan idea yang baik serta harus diaplikasikan oleh semua pihak.

"Tambahan pula, pengasingan sisa di Jepun amat berbeza dengan cara kita melakukannya di Malaysia dek kami hanya perlu mengasingkan kertas, plastik dan logam.

"Tetapi di Jepun, sisa diasingkan kepada sisa mudah terbakar dan tidak mudah terbakar," tambahnya yang mahu membawa kejayaan yang membanggakan kepada negara.

### Harapan

Mengakhiri sesi wawancara, pasukan *'GOMI Heroes'* turut memuji idea menjadikan gotong-royong tempatan sebagai acara sukan peringkat dunia dan wajar diperluaskan lagi.

"Pada pendapat saya, kebanyakan orang awam akan menyedari bahawa tanggungjawab mereka adalah untuk menjaga serta memelihara kebersihan alam sekitar.

"Banyak kawasan yang tercemar juga adalah disebabkan oleh kita juga, jika bukan kita yang mula membersihkan siapa lagi yang akan melakukannya, jadi kita perlu jalankan tanggungjawab membersih sisa sampah seikhlas hati," kata Boon Hin yang turut menggalakkan orang ramai menjaga kebersihan tempat awam.



PENGLIBATAN dalam sebahagian aktiviti pembersihan pantai.





Vlog Makan-makan Di Penang
Tema: Budaya Dirai Makanan Dikongsi

MENANG dengan 3 langkah mudah

1. Ambil video mengikut tema yang diberikan.
2. 'Like' dan 'follow' laman Facebook, TikTok dan Instagram rasmi Buletin Mutiara.
3. Setiap karya mestilah mempunyai tanda pagar #BuletinMutiara dan #LovePENANG.

Hadiah Utama
RM 1,000

Hadiah Sagu Hati
RM 100
x 2 pemenang

Terma & Syarat Peraduan:
1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Vlog (berdurasi sekurang-kurangnya 1 minit) mengikut tema yang diberikan.
3. Karya adalah asli tanpa menciplak mana-mana hasil kerja. Karya dihantar menjadi hak milik pihak penganjur.
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 31 Disember 2023.
5. Penyertaan mestilah meletakkan tetapan di akaun media sosial sebagai 'public'.
6. Keputusan panel juri adalah muktamad.
7. Kos penghantaran untuk hadiah pemenang perlu ditanggung oleh pemenang.

# Nelayan sokong PSI demi manfaat jangka masa panjang

**BARU-baru** ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan bahawa pembayaran 75 peratus *ex-gratia* kepada nelayan-nelayan yang terjejas dengan projek tambakan selatan pulau Pulau Pinang (PSI) atau *'Silicon Island'* akan mula dikreditkan secara berfasa mulai 1 September 2023.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pembayaran itu dibuat selepas Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek *'Silicon Island'* telah mendapat kelulusan rasmi daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang pada 21 Julai lalu.

Susulan kelulusan tersebut, kerja-kerja persediaan awalan tambakan bagi projek PSI akan dimulakan pada 1 September 2023 dan diteruskan sehingga kerja-kerja berkaitan disiapkan.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN** menemu bual beberapa nelayan terlibat untuk mengetahui sejauh mana penerimaan mereka terhadap projek berkaitan dan bagaimana *ex-gratia* yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dapat membantu kehidupan mereka.



MUHAMMAD Long.

Bagi **MUHAMMAD LONG**, 66, yang telah berkecimpung dalam kerja-kerja menangkap ikan sejak 35 tahun lalu melihat PSI sebagai projek yang memberikan manfaat kepada rakyat Pulau Pinang untuk jangka masa panjang.

Malah menurut beliau, bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada nelayan-nelayan yang terjejas akibat pelaksanaan projek tersebut juga telah memberi manfaat secara langsung kepada mereka yang terlibat.

"Saya sendiri merupakan salah seorang nelayan layak menerima *ex-gratia* daripada Kerajaan Negeri yang mana setakat hari ini saya telah menerima kesemua sumbangan yang dijanjikan termasuk bot dan pukat.

"Semua bantuan yang diterima ini memberikan manfaat secara langsung kepada nelayan pesisir pantai kerana kami mampu pergi sejauh lima hingga lapan batu untuk menangkap ikan dan hasilnya juga semakin bertambah.

"Bagi saya, banyak faedah diperoleh oleh nelayan daripada bantuan yang diterima khususnya bot baharu yang boleh dimanfaatkan," katanya ketika ditemui dekat Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) Permatang Damar Laut pada 8 September lalu.

Ditanya mengenai 75 peratus *ex-gratia* yang diterima, Muhammad berkata bahawa wang tersebut digunakan untuk meningkatkan lagi syer dalam koperasi yang dianggotainya.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada PPSN kerana telah membantu nelayan yang terjejas dengan projek tambak laut untuk mendapatkan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri.

"Secara umumnya, saya menyokong penuh projek ini demi manfaat penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya," katanya lagi.

**MANSOR OTHMAN**, 60, memberitahu bahawa kesemua bantuan yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri berupa sebuah bot berserta enjin, pukat dan 75 peratus *ex-gratia* telah diterimanya pada penghujung Ogos lalu.

"Sebelum ini saya hanya ada bot kecil yang dibeli sejak puluhan tahun dahulu dan saya sememangnya sudah lama berhasrat untuk membeli bot baharu tetapi berdepan kekangan dari segi kewangan kerana harga bagi sebuah bot adalah sangat mahal.

"Oleh itu, bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat pada masanya dan dengan adanya bot baru ini,



MANSOR Othman.

kini kami boleh menangkap ikan pada jarak lebih jauh berbanding sebelumnya," ujarnya.

Mansor menyatakan bahawa kebanyakan nelayan di Permatang Damar Laut menerima pelaksanaan projek PSI yang dilihat dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan muda pada masa akan datang.

"Dengan siapnya projek ini kelak, anak muda tidak perlu lagi keluar dari kampung untuk mendapatkan pekerjaan demi menyara kehidupan,"

"Walaupun pelaksanaan kerja-kerja tambakan laut dikatakan memberi kesan kepada nelayan tetapi Kerajaan Negeri dilihat tidak mengambil sikap lepas tangan, sebaliknya mereka berusaha sebaik mungkin untuk membantu kami," katanya yang berasal dari Kampung Binjai, Permatang Damar Laut dan telah menjadi nelayan sejak 30 tahun lalu.



FAJINAH Jaafar.

Sementara itu, **FAJINAH JAAFAR**, 62, menepis dakwaan yang mengatakan projek PSI akan mendatangkan malapetaka serta bakal menjejaskan ekosistem hidupan laut di kawasan yang terlibat dengan tambakan.

Sebaliknya kata Fajinah, lebih banyak ekosistem hidupan laut seperti udang, ikan dan batu karang akan terbentuk apabila PSI ini siap kelak.

"Selain itu, ombak di Permatang Damar Laut telah mengakibatkan hakisan, dan dengan wujudnya PSI akan dapat menyelamatkan kampung kami daripada terhakis.

"Lagi pula, projek ini telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) selepas pelbagai kajian dijalankan oleh pakar-pakar yang berkaitan," ulasnya yang sudah 35 tahun bergelar nelayan.

Fajinah juga yakin bahawa PSI mampu mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkualiti kepada penduduk Permatang Damar Laut khususnya untuk golongan muda.

"Sebagai ibu, kalau boleh saya tidak mahu anak-anak saya mewarisi pekerjaan sebagai nelayan pesisir pantai kerana pekerjaan ini sukar dan tidak menjaminkan pendapatan yang lumayan.

"Oleh itu, dengan adanya PSI, ia akan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik kepada anak-anak muda sekali gus membantu menaikkan taraf hidup masyarakat di sini," katanya.

Menyentuh mengenai bantuan yang diterimanya, Fajinah memberitahu bahawa setakat ini, beliau telah menerima sebuah bot dan enjin bernilai kira-kira RM80,000.

"Bagi *ex-gratia* pula, setakat ini saya telah terima seperti yang dijanjikan mungkin dibayar sepenuhnya menjelang penghujung tahun ini.

"Sebahagian duit yang diterima ini saya akan gunakan untuk membaiki rumah saya yang telah usang.

"Selebihnya saya akan gunakan untuk membawa ahli keluarga bercuti ke Langkawi kerana sudah lama saya berhasrat untuk bercuti bersama-sama keluarga demi menggembirakan mereka," katanya.

Dalam pada itu, **MOHAMMAD QHAIDIR SUBRI**, 30, yang merupakan Pegawai Kanan Informasi Maklumat PPSN menggesa lebih ramai nelayan terlibat



MOHAMMAD Qhaidir Subri.

untuk datang ke PPSN bagi mendapatkan maklumat tepat yang lebih terperinci mengenai PSI.

"Peranan PPSN adalah untuk memaklumkan segala maklumat daripada Kerajaan Negeri untuk disalurkan kepada nelayan yang terkesan daripada projek PSI.

"Memandangkan projek sudah berjalan sejak 1 September lalu, lebih ramai nelayan dari sembilan unit nelayan yang terlibat telah hadir ke PPSN untuk mengemas kini maklumat bagi membolehkan mereka menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri," katanya sambil menambah bahawa penerimaan nelayan setempat adalah sangat baik setakat ini.

Memandangkan projek PSI sudah bermula, Mohammad Qhaidir berkata bahawa pihaknya kini bersedia dengan mewujudkan pasukan PANTAS untuk menerima dan menyelesaikan aduan nelayan yang terkesan oleh projek berkaitan.

"Selain PPSN Permatang Damar Laut, kami juga ada membuka sebuah lagi PPSN di Sungai Batu yang dibuka pada setiap hari Isnin hingga Jumat dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang," jelasnya.

Justeru, beliau menasihati semua nelayan yang terjejas dari sembilan unit nelayan yang terlibat untuk hadir mengemas kini maklumat peribadi dalam kadar segera.

Sembilan unit nelayan tersebut adalah yang terdiri daripada Permatang Damar Laut, Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar, Gertak Sanggul, Pulau Betong, Sungai Burung, Seri Jerejak dan Teluk Tempoyak.

# Teratai gergasi ‘gegarkan’ Taman Botani



PEMANDANGAN Dataran Teratai Taman Botani yang menarik ramai pengunjung kini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SESIAPA** sahaja yang berkunjung ke Taman Botani Pulau Pinang pasti akan tertarik dengan Dataran Teratai yang menempatkan tujuh kolam termasuk tiga buah air pancut.

Terletak bertentangan tempat parkir pengunjung di Jalan Kebun Bunga dan pintu masuk utama ke Taman Botani, dataran tersebut mempunyai beberapa jenis bunga bakung dan pokok teratai.

Pastinya yang menjadi bintang utama adalah pokok teratai gergasi dari spesies tumbuhan berbunga *Victoria Amazonica (Amazon Water Lily)*, kedua terbesar dalam keluarga teratai *Nymphaeaceae* yang berasal dari lembangan Sungai Amazon.



DAUN berbentuk 'piring air gergasi'.

Baru-baru ini, Buletin Mutiara berkesempatan untuk melihat sendiri kerja-kerja pembersihan di Dataran Teratai berikutan terdapat kesan vandalisme yang merosakkan daun serta bunga teratai sehingga mencacatkan pemandangan.

Menurut Pengarah Taman Botani, **NUR SYAZWANI ISMAIL**, masalah yang dihadapi oleh Jabatan Taman Botani adalah perbuatan vandalisme yang merosakkan tumbuh-tumbuhan.

“Orang awam gemar merosakkan daun atau bunga teratai di sini (Dataran Teratai).

“Ada juga dalam kalangan mereka yang melontarkan pelbagai objek ke dalam kolam di sini seperti batu dan sebagainya sehingga mengoyakkan daun teratai.

“(Dan) apabila daun teratai ini terkoyak ia boleh mengakibatkan penyakit pada tanaman dan seterusnya menjejaskan tumbesaran pokok,” ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika dihubungi baru-baru ini.



NUR Syazwani Ismail.



KERJA-kerja pembersihan dan pembuangan daun-daun teratai yang rosak.



BUNGA teratai gergasi berwarna putih pada permulaannya sebelum ia bertukar menjadi merah muda.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati para pengunjung agar tidak menyentuh atau merosakkan bukan sahaja pokok teratai di Dataran Teratai berkenaan malah tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Taman Botani Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Nur Syazwani menyatakan bahawa sekiranya perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut berlaku di hadapan kakitangan jabatan berkenaan, maka teguran akan diberikan.

“Pokok teratai gergasi yang tumbuh di kolam ini tidak seperti pokok teratai yang terdapat di tempat lain atau negara luar kerana ia mempunyai musim mekar.

“Memandangkan pokok ini adalah yang terbesar daripada semua spesies teratai dengan kelebaran daun boleh mencapai sehingga tiga meter, penjagaan dari segi kualiti air, tanah dan baja amat dititikberatkan.

*(Sambungan di muka15).*





KEPELBAGAIAN spesies orkid yang tumbuh subur.



DR. Ooi Im Hin.

# Rumah Orkid dibuka hujung tahun

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SELAIN** menjadi tumpuan di *Gardens by the Bay* di Singapura, kepelbagaian spesies orkid yang terdapat di Rumah Orkid dekat Taman Botani Pulau Pinang tidak kurang hebatnya dan bakal menjadi tarikan terbaharu apabila dibuka kepada orang ramai pada penghujung tahun ini.

Pegawai Penyelidik Unit Botani dan Konservasi Tumbuhan, **DR. OOI IM HIN** berkata bahawa kebanyakan spesies orkid yang terdapat di Rumah Orkid merupakan spesies asli dari seluruh negeri.

Menurut beliau, terdapat lebih daripada 128 jenis orkid dipamerkan di Rumah Orkid.

"Sekiranya (projek ini) berjalan lancar serta telah siap sedia, ia dijangka dibuka kepada umum pada hujung tahun ini dan akan menjadi kemuncak tarikan di Taman Botani.

"Tidak mudah untuk menjaga tumbuhan orkid, oleh itu pihak kami telah mewujudkan sesi pendokumentasian terhadap semua spesies orkid yang terdapat di sini dengan penuh teliti," ujar Im Hin ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara pada 11 September 2023.

Menurut beliau, persediaan untuk membuka Rumah Orkid juga sudah hampir siap dan bakal memanfaatkan semua pengunjung yang datang.

"Sudah tentu aspek utama membina Rumah Orkid ini adalah sebagai pendedahan kepada masyarakat umum mengenai spesies orkid yang unik dari serata negeri.

"Kini, berbaki bahagian depan (Rumah Orkid) sahaja dan juga penanaman orkid hibrid yang terletak di sudut sama.

